

Sertai kuiz di TV: Rakyat dinasihat jangan ^(P) berangan

15 SEP 1997
MIRA 14 Sept. Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasihati rakyat negara ini supaya tidak berangan untuk menjadi jutawan hanya dengan menyertai pertandingan kuiz di TV

Sebaliknya, mereka mesti bekerja keras berusaha sedikit demi sedikit dalam apa-apa pekerjaan barulah cita-cita untuk menjadi jutawan itu kemungkinan berhasil.

Dengan merujuk kepada kejayaan Ahmad Samerin yang muncul jutawan setelah memenangi pertandingan Kuiz More Jutaria di TV, Dato' Sri Dr. Mahathir rasa bangga kerana Samerin tetap meneruskan pekerjaan memperbaiki basikal di bengkelnya.

"Ada orang yang bercita-cita nak jadi jutawan dan apabila berjaya tidak mahu bekerja lagi tanpa menyedari lamakelamaan duit itu akan habis," ujarnya.

Sambil berseloroh beliau berkata "adik beradik Samerin pun nampaknya sekarang ok himpit dia kok boleh dia bagi sikit tolong bayar hutang jadinya," disambut dengan gelak ketawa oleh para hadirin yang hadir di mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu, di sini, hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir adalah Ketua UMNO Bahagian tersebut.